

**“WALK-IN INTERVIEW” BAGI JAWATAN PEGAWAI TADBIR
GRED N41 (KONTRAK)
DI KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk membina kerjaya dalam perkhidmatan luar negeri adalah dipelawa untuk memohon jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak).

Jawatan	:	Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak)
Klasifikasi	:	Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N)
Gred	:	N41
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Gaji Permulaan Sehingga Maksimum	:	Gaji Minimum: RM1910.02 Gaji Maksimum: RM6799.30 (Kadar kenaikan gaji tahunan RM225.00)
Elaun-Elaun	:	Imbuan Tetap Khidmat Awam RM300.00 Imbuan Tetap Perumahan RM250.00 Bantuan Sara Hidup RM300.00

SYARAT LANTIKAN

- i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi luar negara/ tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred N41, **P1 RM 2114.43**); atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi luar negara/ tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred N41, **P1 RM 2216.64**); dan

SYARAT TAMBAHAN BAGI 'WALK-IN INTERVIEW' KEMENTERIAN LUAR NEGERI

- i) Calon-calun yang memohon dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya **CGPA 3.3 ke atas** atau yang setaraf dengannya;
- ii) Calon-calun dengan kelayakan pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sahaja. Senarai bidang dan pusat pengajian tinggi luar negara/ tempatan yang diiktiraf boleh disemak di portal JPA (<http://pengiktirafan.jpa.gov.my/>);
- iii) Calon-calun yang mempunyai penguasaan **bahasa-bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu** seperti bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol, bahasa Mandarin dan bahasa Rusia akan diberi keutamaan;
- iv) Umur calon semasa ditemu duga hendaklah tidak melebihi daripada **30 tahun**;
- v) Tempoh kontrak adalah untuk **satu (1) tahun** dan **tempoh perkhidmatan secara kontrak ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kerja dan perakuan Ketua Jabatan**; dan
- vi) Calon-calun yang dipanggil untuk ditemu duga dikehendaki melalui **"aptitude test"** sebelum sesi temu duga. Ujian ini adalah bertujuan menguji kebolehan calon berfikir secara sistematik dan sejauh mana calon dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang telah diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalaman.

CARA-CARA PERMOHONAN

- i) Calon-calun yang berkelayakan dipelawa untuk mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:
- a) *Curriculum-vitae*;
 - b) Dua (2) keping gambar berukuran pasport;
 - c) Salinan Sijil / ijazah dan dokumen-dokumen sokongan; dan
 - d) Satu esei di dalam Bahasa Inggeris bertajuk "***Why Do You Want to Join Wisma Putra ?***" dengan format seperti berikut:
 - Dokumen Microsoft Word 2003 dan ke atas;
 - "Font" : Arial bersaiz 12 ;
 - "Spacing" : 1.5 ;
 - "Paragraph" : Justified ; dan
 - Panjang jawapan tidak melebihi dua helaian kertas bersaiz A4.
- ii) Semua dokumen permohonan hendaklah dialamatkan kepada alamat di bawah atau faks ke **03-8890 2502** sebelum atau pada **24 April 2013**

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN LUAR NEGERI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
WISMA PUTRA, NO 1, JALAN WISMA PUTRA
PRESINT 2, 62602 PUTRAJAYA, MALAYSIA
(U.P. URUS SETIA URUSAN PENGAMBILAN – WALK IN INTERVIEW)**

Sebarang pertanyaan dan kemusykilan boleh dikemukakan kepada email :
recruitment@kln.gov.my

Calon-calun yang layak akan dihubungi oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Luar Negeri untuk urusan yang berkaitan.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI